

Operasi masuk hari keempat

Proses padam kebakaran tapak lupus sampah ambil masa

NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK

Operasi pemadaman tapak pelupusan sampah atas tanah berkeluasan 1.52 hektar di Fasa 8 Sri Gombak berhampiran Town Villa di sini memasuki hari keempat, semalam.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Selayang, Mohd Zainudin Nasir berkata, dijangka kerja pemadaman akan mengambil masa antara dua hingga tiga hari lagi memandangkan masih terdapat sisa kebakaran (asap) di lokasi.

Menurutnya, bilik gerakan menerima panggilan Sabtu lalu jam 1.55 pagi terdapat kebakaran di Sri



Keadaan kawasan yang terjejas akibat kebakaran sejak Sabtu lalu.

Gombak berkeluasan 0.81 hektar.

"Empat aliran hos digunakan bagi mengawal kebakaran oleh lapan anggota BBP Selayang dibantu Pasukan Bomba Sukarela Gombak serta Kepong.

"Api makin berkurangan namun keadaan masih berasap. Operasi pe-

madaman dibantu tiga jentolak bagi proses penguraian sampah," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Tindakan Khas (UTK) Majlis Perbandaran Selayang (MPS), C Paramasivam berkata, pihak MPS membantu dalam operasi pe-

Api makin berkurangan namun keadaan masih berasap. Operasi pemadaman dibantu tiga jentolak bagi proses penguraian sampah."
- Mohd Zainudin

madaman melalui bantuan penyediaan jentolak.

"Dalam masa sama sebanyak empat lori yang membawa muatan sampah binaan dipercayai bagi membuang sampai di lokasi telah disita di bawah Undang-undang kecil (UUK) Pemungutan & Pembuangan Sampah.

"Pemilik tanah telah dikenal pasti dan dikenakan kompaun kerana menjalankan kerja tanah tanpa kebenaran sementara tindakan penyalahgunaan tanah di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Daerah Gombak," katanya.